



**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**SURAT EDARAN UMT BILANGAN 1 TAHUN 2020**

**Pengurangan Imbuhan Tetap Keraian (ITK)  
Kumpulan Pengurusan Tertinggi**

**Latar Belakang**

1. Surat edaran ini bertujuan memaklumkan mengenai arahan pengurangan Imbuhan Tetap Keraian (ITK) bagi pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.
2. Pengurangan ini adalah sebagai langkah Negara menghadapi cabaran kritikal disebabkan penularan wabak Coronavirus (COVID-19). Sehubungan dengan itu sebagai satu langkah solidariti bersama Anggota Pentadbiran dalam membantu Kerajaan menangani impak krisis penularan wabak COVID-19, inisiatif pengurangan Imbuhan Tetap Keraian (ITK) bagi pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan Tertinggi perlu dilaksanakan. Segala penjimatan daripada pengurangan ITK ini akan disalurkan ke dalam Tabung COVID-19.

**Pelaksanaan Pemakaian Arahan Pengurangan Imbuhan Tetap Keraian (ITK)**

3. Jabatan Perkhidmatan Awam, melalui surat edaran JPA(S) 63/168/1 Jld.2 (66) bertarikh 7 April 2020 telah menetapkan kadar Pengurangan Imbuhan Tetap Keraian (ITK) adalah berdasarkan peratusan daripada kadar ITK semasa mengikut gred seperti berikut :

## **TERHAD**

<b>Bil.</b>	<b>Gred</b>	<b>Kadar Pengurangan</b>
1.	Gred Utama/ Gred Khas A dan setaraf dan ke atas	10%
2.	Gred Utama/ Gred Khas B dan C dan setaraf	5%

4. Ketua Jabatan hendaklah membayar ITK setelah menolak jumlah pengurangan mengikut kadar seperti perenggan 3 di atas daripada kadar ITK semasa yang berkuat kuasa mulai **1 April 2020** sehingga **31 Mei 2020**.

5. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pengiraan faedah persaraan untuk pegawai yang bersara dalam tempoh ini, kadar ITK asal akan diguna pakai dan tidak akan menjaskan pemberian faedah persaraan di bawah Akta Pencen 1980 atau Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.

6. Pelaksanaan ini **dikecualikan** kepada pegawai petugas barisan hadapan (*frontliners*) yang telah dikenalpasti layak menerima elaun khas dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

7. Kelulusan ini berkuat kuasa mulai **1 April 2020** hingga **31 Mei 2020**.

### **Dikeluarkan oleh:**

Pejabat Pendaftar

9 April 2020